

17/06/2003

Galeria Sri Perdana dibuka kepada pelawat

BATU GAJAH: Galeria Sri Perdana akan dibuka kepada pengunjung selepas keseluruhan kerja pengubahsuaian siap tidak lama lagi dan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum bersara.

Ketua Pengarah Arkib Negara, Datuk Habibah Zon berkata, galeria itu akan mencerminkan suasana kehidupan seharian Perdana Menteri sejak berpindah ke kediaman itu 16 tahun lalu, iaitu lima tahun selepas menjadi Perdana Menteri.

"Antara yang dibaik pulih ialah bilik tidur, dapur dan bilik tempat Perdana Menteri bertukang kayu. Turut diubah suai ialah bilik makan, bilik tetamu dan persekitaran kediaman, termasuk taman tanpa merosakkan imej asal," katanya kepada pemberita selepas pelancaran buku Tokoh-Tokoh Batu Gajah oleh Sultan Perak, Sultan Azlan Shah, di sini semalam.

Habibah berkata, pihaknya sedang menyiapkan bilik tayangan video mengenai rutin kehidupan Perdana Menteri.

Beliau juga berkata, negara bakal mempunyai sebuah Galeri Wira Negara yang menyimpan rentetan perjuangan tokoh dalam pelbagai bidang sebagai khazanah bernilai tinggi untuk rujukan generasi akan datang.

Selaras penubuhan galeri di Kuala Lumpur itu, Arkib Negara akan menerbitkan ensiklopedia berhubung tokoh terbabit.

Beliau berkata, mereka yang dipilih bukan saja tokoh Melayu, malah kaum lain termasuk Cina dan India serta bukan warga negara kerana perjuangan dan perkhidmatan cemerlang mereka di negara ini.

Sehubungan itu, Arkib Negara sedang giat mengumpulkan maklumat dari seluruh negara hasil kajian dengan kerjasama kerajaan negeri serta tokoh itu sendiri atau waris serta sahabat mereka.

Galeri Wira Negara itu akan dibina dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RM-9).

"Setakat ini, arkib sedang mengumpulkan maklumat penting daripada tokoh seluruh negara dari peringkat akar umbi hingga nasional. Bidang dipilih meliputi politik, pentadbiran, keusahawanan, pemimpin agama dan pendidikan," katanya.

Habibah berkata, pengisian galeri adalah sumbangan dari semua negeri, termasuk Sabah dan Sarawak dengan menyediakan tokoh sendiri.

Katanya, beberapa negeri sudah melancarkan projek mencari tokoh, termasuk Perak, Sabah dan Kedah, manakala Melaka dan Johor serta negeri lain akan berbuat demikian tidak lama lagi.

Mengenai buku Tokoh-Tokoh Batu Gajah, Habibah yang juga anak kelahiran Batu Gajah berkata, ia sebagai projek perintis untuk menjadi panduan kepada semua negeri.

Katanya, projek itu diusahakan Arkib Negara dengan sokongan individu, termasuk ahli korporat dan swasta.

Sementara itu, beliau menyarankan rakyat Malaysia lebih peka terhadap sejarah hidup peribadi dengan menyimpan sijil kelahiran, sijil berhenti

sekolah, gambar ketika di sekolah dan bahan lain yang boleh disimpan sebagai arkib peribadi.

"Tidak ramai rakyat berminat menyediakan arkib peribadi untuk dijadikan bahan bernilai dalam hidup individu.

"Mereka perlu menyediakan `pohon keluarga' untuk mengenali susur galur keluarga bagi mengeratkan perhubungan seperti yang kerap dilakukan oleh masyarakat di Barat," katanya.

Sehubungan itu, beliau meminta golongan berkemampuan dalam keluarga memulakan aktiviti berkenaan untuk generasi akan datang.

"Ini penting kerana kadangkala kita tidak mengetahui ada yang cemerlang dalam pelbagai bidang. Orang ramai boleh menyumbangkan bahan seperti gambar dan surat penting sebagai sejarah keluarga untuk Arkib Negara," katanya.